

Bab 1: Pengenalan

Keputusan Kemahiran Menulis

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) menyatakan bahawa terdapat empat kemahiran berbahasa yang perlu diajar oleh guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca, dan kemahiran menulis. Menurut Marohaini (1996) kemahiran menulis atau mengarang merupakan kemahiran asas yang paling penting berbanding kemahiran-kemahiran berbahasa yang lain. Hal ini disebabkan sebahagian bentuk ujian adalah dalam bentuk penulisan. Lebih-lebih lagi penulisan karangan bagi kertas satu Bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Markah ujian karangan ini akan menyumbang sebanyak lima puluh peratus bagi markah keseluruhan Bahasa Melayu. Ini bermakna pelajar yang menguasai kemahiran menulis boleh mendapat keputusan yang lebih cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

Marohaini (1996) juga menegaskan banyak kegiatan pembelajaran yang mengkehendaki pelajar mempunyai kemahiran menulis dan bukan sahaja terhad bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, tetapi juga mata pelajaran lain seperti Kesusasteraan Melayu, Sejarah, Geografi, dan sebagainya.

Jelasnya, kemahiran menulis merupakan kemahiran asas yang diperlukan oleh pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dan pelajar yang dapat menguasai kemahiran menulis akan mendapat keputusan lebih cemerlang. Namun bagi Isahak Haron (1979), kemahiran menulis dan mengarang bukan sahaja penting bagi pelajar untuk mendapat keputusan yang baik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, malah kemahiran ini juga penting kerana sebahagian besar pendidikan formal memerlukan kerja-

kerja mengarang dan menulis sebagai kaedah untuk menyampaikan maklumat, idea perasaan dan pendapat.

Di samping itu, kemahiran menulis juga akan digunakan oleh pelajar selepas tamat persekolahan dan akan digunakan di alam pekerjaan nanti. Pendapat ini disokong oleh Marohaini (1994) dan Gunnarsson (1997) yang menyatakan bahawa kepentingan kemahiran menulis sememangnya tidak dapat disangkal sekiranya dilihat dari segi keperluan pelajar sebagai penuntut sekolah, sebagai calon peperiksaan dan sebagai bakal tenaga mahir. Ini bermakna menulis itu ada berbagai-bagai tujuan.

Kesimpulannya, kemahiran menulis atau mengarang ini amatlah penting dalam kehidupan seseorang baik sebagai pelajar sekolah mahupun sebagai tenaga kerja malah sebagai orang awam juga kerana melalui penulisan ini seseorang itu dapat berkomunikasi dengan orang lain dalam jarak jauh meskipun mereka saling tidak mengenali. Dengan yang demikian melalui penulisan juga seseorang itu dapat menyatakan gagasan pemikiran mereka kepada orang lain.

Apabila disebut bahawa penulisan membolehkan seseorang menyatakan gagasan pemikiran mereka bermakna aktiviti menulis itu merupakan aktiviti mental dan cara aktiviti mental itu berkerja semasa menulis itulah yang menjadi tumpuan kajian penulis iaitu menulis sebagai satu proses.

Awang Sariyan (1991) juga ada menegaskan tentang hal yang sama iaitu penulisan itu sebagai satu proses dan mereka yang ingin menulis harus sanggup melalui proses yang bertahap-tahap itu. Awang Sariyan juga telah memberi gambaran secara kasar tentang maksud proses menulis dan tahap-tahapnya iaitu tahap persiapan, yang termasuk di dalamnya persiapan dari segi mental atau psikologi, beberapa penentuan yang harus dibuat iaitu penentuan bidang, skop, judul, sasaran, dan maklumat.

Manakala tahap penyusunan pula adalah penyusunan rangka isi, pengembangan isi, penjalinan, penataan format, dan pengeditan. Baginya juga proses menulis berubah

mengikuti tujuan yaitu proses menulis bagi tujuan peperiksaan adalah bermula dengan pemilihan judul atau soalan yang tepat, penentuan kunci soalan, penyusunan rangka isi, pemeregganan, penjalinan, penataan format, dan pengeditan.

Menulis Sebagai Satu Proses

Pada peringkat awal kemahiran menulis adalah dianggap sebagai satu proses yang linear iaitu proses yang hanya bergerak sehalu dan lurus. Mengikuti model linear seperti yang disarankan oleh Rohman dan Wlecke (1964), proses menulis itu ada tiga peringkat iaitu peringkat pramenulis, peringkat menulis dan peringkat selepas menulis. Seperti yang diuraikan oleh Murray (1978) dan Awang Sariyan (1991) proses-proses ini termasuklah *prevision*, *vision* dan *revision*. Marohaini (1996) menyebutnya sebagai prabayangan, bayangan dan penyemakan. Pada peringkat prabayangan ia merujuk kepada sebarang aktiviti yang berlaku sebelum menulis draf pertama manakala peringkat bayangan pula merujuk kepada penulisan draf kedua atau draf membuat penemuan dan peringkat yang akhir dalam proses mengarang disebut sebagai penyemakan.

Bagaimanapun, bagi Awang Sariyan (1991) peringkat pramenulis atau prabayangan (Murray; 1978) meliputi penyusunan rangka isi atau jika dalam peperiksaan ia termasuk juga pemilihan judul atau soalan yang tepat, penentuan kunci soalan dan penyusunan rangka isi. Bagi sesetengah penyelidik seperti Emig (1971), peringkat pra menulis merupakan satu detik tugas menulis diberi dan diterima oleh penulis hingga ke suatu masa apabila penulisan karangan bermula.

Tahap kedua pula menurut Awang Sariyan (1991), ia meliputi pengembangan isi, penjalinan dan penataan format manakala peringkat akhir yang termasuk dalam peringkat selepas menulis ialah pengeditan atau penyemakan. Jika dilihat model ini, proses menulis itu merupakan satu proses yang linear, lurus dan sehalu. Ini membawa maksud bahawa proses menulis bermula dengan peringkat pramenulis, dan berakhir dengan penyemakan dan berlaku secara berasingan dan terputus-putus (Marohaini, 1996).

Walau bagaimanapun, proses menulis yang dilihat dari perspektif kognitif ia bukanlah sesuatu yang lurus atau linear tetapi ia merupakan satu proses yang berulang-ulang dan bertindanan (Flower dan Hayes, 1981) dan proses menulis itu juga dikatakan sebagai proses yang rekursif (Tyner; 1992, Juriah Long; 1998).

Model Proses Menulis Flower dan Hayes

Berdasarkan model penulisan Flower dan Hayes (1981) yang melihat penulisan dari perspektif kognitif, ia melibatkan peringkat perancangan dan penelitian. Dan kedua-dua peringkat ini tidak berlaku secara linear, tetapi ia berulang-ulang. Dalam proses mengarang peringkat perancangan, terdapat tiga elemen penting iaitu menghasilkan idea menyusun dan membentuk matlamat (Flower dan Hayes, 1981). Menurutnya, menyusun ialah mengatur isi-isi atau idea penulisan dan karangan terbentuk daripada penyusunan isi. Penyusunan isi juga melibatkan penambahan atau pengurangan isi bagi memenuhi matlamat penulisan (*task*) tertentu dan yang akhir adalah pembentukan matlamat yang melibatkan rancangan bagi menyiapkan karangan tersebut.

Peringkat menulis yang kedua mengikut model ini adalah membuat penelitian. Proses penelitian berlaku apabila penulis berhenti seketika menulis dan membaca semula hasil tulisannya. Walau bagaimanapun, menurut model Flower dan Hayes (1981) ini, pada tahap ini terdapat dua lagi subproses menulis iaitu peringkat proses penyemakan dan penilaian.

Proses penyemakan di sini membawa maksud proses menulis semula dengan menemui idea baru dan mengembangkan idea yang ada (Murray, 1978). Menurut teori penulisan yang dianggap sebagai satu yang linear, peringkat penyemakan ini merupakan peringkat yang akhir dan ia sama juga dengan peringkat pengeditan atau penyuntingan (Awang Sariyan, 1991). Namun bagi Flower dan Hayes (1981) proses penyemakan ini bukanlah peringkat yang akhir tetapi ia berlaku sepanjang masa penulisan karangan (Flower dan Hayes, 1981). Ini membawa maksud seseorang penulis itu akan menjalankan

kerja-kerja penyemakan sepanjang masa menulis dan bukanlah hanya selepas mereka menulis karangan. Kajian Flower dan Hayes (1981) mendapati bahawa penulis yang baik lebih banyak membuat penyemakan.

Satu lagi subproses menulis yang penting berdasarkan model ini adalah peringkat penilaian. Sebenarnya kedua-dua proses ini iaitu penyemakan dan penilaian amat berkait rapat antara satu sama lain dan proses penyemakan itu biasanya bermula daripada proses penilaian terhadap penulisannya (Marohaini, 1996). Proses penilaian ini berlaku apabila penulis membaca semula penulisannya dan kemudian membuat penyemakan serta membuat tokok tambah atau membuangnya mana-mana yang perlu.

Secara umumnya, proses menulis itu sebenarnya jika dilihat dari segi kognitif seperti model Flower dan Hayer (1981) melihat dua proses atau peringkat yang utama iaitu proses perancangan dan juga proses penelitian yang termasuk di dalamnya penyemakan dan penilaian. Peringkat perancangan ini merupakan peringkat permulaan bagi setiap peringkat proses menulis atau mengarang , manakala peringkat penilaian pula berlaku secara berterusan dan sepanjang penulisan itu dijalankan. Kajian proses menulis yang akan dijalankan ini adalah berdasarkan model ini daripada perspektif yang lebih mendalam iaitu metakognitif. Proses ini termasuklah memantau dan mengendali kerja-kerja kognitif sendiri semasa menulis.

Metakognitif

Menurut Phillips (1996) konsep metakognisi ini sebenarnya telah diperkenalkan oleh Flavell (1976). Ekoran itu, beberapa penyelidik telah memberikan berbagai-bagai takrif metakognisi. Antaranya ialah Baker (1984) telah mendefinisikan metakognisi sebagai " pengetahuan tentang kognisi dan juga pengawalan tentang kognisi sendiri". Schoenfeld (1987) telah mengembangkan lagi definisi ini dengan mengatakan bahawa metakognisi termasuklah "kesedaran tentang kognisi dan strategi kognitif", "pengawalan dan pengendalian sendiri kognisi dan proses-proses kognitif" dan "kepercayaan dan gerak

hati tentang tugas", senang atau susah dan sebagainya. Matlin (1989) pula mendefinisikan metakognisi sebagai " pengetahuan dan kesedaran seseorang terhadap proses kognitifnya sendiri" sementara Feldman (1993) dan Baron (1995) pula masing-masing menakrifkan metakognisi sebagai "kesedaran dan kefahaman seseorang terhadap proses kognisi sendiri yang ia sedang alami " dan "kesedaran dan kefahaman proses-proses kognisi sendiri".

Bagi Huit (1997) pula, metakognitif merupakan "pengetahuan tentang sistem kognitif sendiri" yang termasuk di dalamnya "apa yang kita tahu dan tidak tahu" dan "pengendalian tentang cara belajar"

Secara umumnya, metakognitif adalah "fikiran" (*thought*), tentang "pemikiran" (*thinking*) Matlin (1989) atau bagi Stewart (1983) dan Swartz (1994), metakognitif adalah "pemikiran tentang pemikiran" (*thinking about thinking*) atau "kognisi tentang kognisi" (*cognition about cognition*) (Flavell, 1993).

Teori Metakognitif Flavell

Flavell (1993) mendefinisikan metakognitif sebagai pengetahuan atau aktiviti kognitif yang mengendali sebarang aspek urusan kognitif. Menurutnya juga kemahiran metakognitif (*metacognitive skill*) memainkan peranan penting dalam kebanyakan aktiviti kognitif termasuk komunikasi lisan, pemahaman lisan dan bacaan, penulisan, pemerolehan bahasa, persepsi, penumpuan, pengingatan, penyelesaian masalah, penaakulan logikal, kognisi sosial dan pelbagai bentuk arahan dan pengawalan sendiri. Disebabkan konsep metakognisi merupakan kognisi tentang kognisi (Flavell, 1993) dan boleh digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang maka metakognitif ini boleh dijelmakan dalam konsep yang lebih spesifik mengikut bidang atau sebarang aktiviti kognisi umpamanya metapemahaman (*metacomprehension*), bagi bidang pemahaman, metapenulisan (*metawriting*) bagi kognisi tentang penulisan dan *metamemory* bagi aktiviti kognisi tentang pengingatan. Kajian penulis ini hanya dalam bidang penulisan atau *metawriting* dan kajian metapenulisan ini adalah berdasarkan teori Flavell (1993) ini.

Menurut Flavell (1993), metakognitif merujuk kepada dua komponen iaitu pengetahuan metakognitif dan pemantauan dan pengendalian sendiri terhadap aktiviti kognitif. Pengetahuan metakognitif merujuk kepada pengetahuan tentang segala urusan kognitif dan ia merupakan himpunan pengetahuan dan kepercayaan tentang pemikiran manusia yang terkumpul daripada pengalaman dan disimpan dalam ingatan jangka panjang (*long term memory*).

Flavell (1993) juga membahagikan pengetahuan metakognitif ini kepada tiga bahagian atau kategori iaitu pengetahuan terhadap diri (*person*), tugas (*task*) dan strategi (*strategy*). Pengetahuan strategi metakognitif ini menurut Flavell (1993) termasuklah pengetahuan tentang diri manusia (diri sendiri dan orang lain) terhadap aktiviti-aktiviti minda atau mental manusia sebagai insan akliah. Ini meliputi ciri-ciri perbezaan dan persamaan kognitif di kalangan manusia. Sebagai contoh, seseorang yang mengetahui bahawa ia merupakan seorang yang lebih baik dalam pengiraan daripada pengingatan (diri sendiri) atau mempercayai bahawa rakannya baik dalam pemahaman bacaan berbanding dengan lisan (Flavell, 1993).

Dalam bidang penulisan pula misalnya seseorang itu mungkin sedar atau tahu bahawa ia lebih baik dalam penulisan karangan jenis naratif berbanding dengan karangan jenis ekspositori. Kategori pengetahuan metakognitif yang kedua pula adalah tentang tugas (*cognitive task*) (Flavell, 1993), Wade (1989) menyebutnya sebagai "kesedaran tugas" (*task awareness*).

Flavell (1993) membahagikan pula kepada subkategori yang lebih kecil. Satu daripada subkategori tersebut adalah maklumat yang diperolehi dan berkait dengan sebarang kerja-kerja kognitif atau sebarang pengetahuan tentang sebarang kerja yang memerlukan proses mental misalnya pengetahuan tentang kerja-kerja menulis. Seseorang itu tahu tentang susah senang sesuatu kerja kognitif. Sementara satu lagi subkategori tentang pengetahuan metakognitif terhadap tugas adalah pengetahuan terhadap kehendak tugas

(*task demand*) misalnya seseorang yang menulis ia tahu tentang kehendak kepada kerja-kerja penulisannya atau tujuan ia menulis.

Kategori pengetahuan metakognitif yang ketiga ialah pengetahuan tentang strategi. Pengetahuan tentang strategi (Flavell 1993) atau kesedaran strategi (*strategy awareness*) (Wade, 1989) membawa maksud pengetahuan tentang strategi yang digunakan untuk mencapai matlamat kognitif seperti memaham, mengingat atau menulis. Dalam konteks penulisan, seseorang yang hendak menulis akan tahu strategi yang akan digunakan bagi mencapai matlamat penulisannya atau pengetahuan tentang tindakan seperti "bila" dan "kenapa" apabila menghadapi masalah dalam sebarang kerja-kerja kognitif semasa menulis.

Seperti yang dinyatakan pada awal tadi, metakognitif mengikut (Flavell 1993) terbahagi kepada dua komponen iaitu pengetahuan metakognitif dan pemantauan dan pengendalian sendiri kognitif. Pengetahuan metakognitif telah dibincang sebelum ini dan akan menyusul pula perbincangan tentang pemantauan dan pengendalian sendiri kognitif. Pemantauan dan pengendalian sendiri membawa maksud seseorang akan memantau dan mengendali sendiri kerja-kerja kognitifnya. Sebagai contoh seseorang yang membaca akan memantau sama ada ia betul-betul memahami bahan bacaan tersebut atau tidak. Begitu juga jika ia tidak memahaminya maka ia akan mengambil beberapa strategi untuk memahaminya. Ini bermaksud seseorang itu mengendali sendiri kognitifnya untuk memaham. Dalam konteks penulisan pula, jika seseorang itu menghadapi kebuntuan semasa menulis ia akan mengambil beberapa tindakan untuk mencapai matlamat penulisan atau menyiapkan kerja-kerja penulisannya seperti membaca semula, atau menyemak sebagai mana yang diterangkan dalam proses menulis.

Oleh yang demikian, penulis ingin menyatakan di sini bahawa berdasarkan teori metakognitif inilah penulis ingin mengaplikasikannya dalam kajian dengan melihat penggunaannya dalam bidang penulisan karangan di kalangan pelajar.

Kesimpulannya, kedua-dua teori ini iaitu teori kemahiran menulis sebagai satu proses oleh Flower dan Hayer (1981) dan teori metakognitif Flavell (1993) akan menjadi landasan dalam kajian ini. Dengan kata lain, kajian ini akan melihat proses penulisan karangan pelajar dari perspektif metakognitif.

Penyataan Masalah

Kemahiran menulis merupakan kemahiran yang penting. Walau bagaimanapun, ia bukanlah sesuatu yang senang dilakukan. Menurut Alias dan Darwis (1990), Abd. Aziz (1990) dan, Koh Boh Boon (1996), ramai pelajar mendapati bahawa kemahiran mengarang merupakan kemahiran asas yang paling sukar dipelajari. Isahak Haron (1979) juga pernah mengatakan bahawa pelajar masih khuatir jika dihadapkan dengan kerja-kerja menulis seolah-olah kerja-kerja menulis itu jauh dari pengalaman mereka.

Bagi Abdul Aziz, (1990) pula kemahiran menulis ini bukan sahaja sukar dikuasai malah sukar diajar. Hal ini kerana menulis itu sebenarnya suatu yang kompleks dan kompleksiti proses penulisan sememangnya diakui oleh semua pendidik bahasa (Koh Boh Boon, 1996).

D' Angelo (1980) pernah menegaskan bahawa seseorang penulis itu mesti menguasai tiga kecekapan terpenting iaitu kebolehan mencari idea yang bersabit, kebolehan untuk menyusun idea itu dalam satu cara yang dapat difahami dan meyakinkan pembaca serta kebolehan untuk memilih struktur ayat dan kata yang sesuai semasa menulis.

Sungguhpun kemahiran menulis itu sesuatu yang kompleksnya, namun tidak dinafikan juga bahawa tidak ramai pelajar yang menyedari bahawa penulisan atau penghasilan karangan sebagai satu proses yang menuntut disiplin diri yang tinggi (Awang Sariyan, 1991). Oleh yang demikian ramai pelajar yang menghadapi masalah dalam penulisan.

Selain itu, dapatan daripada kajian Loy (1995) melalui analisis markah yang diperolehi oleh pelajar mendapati bahawa kebanyakan pelajar hanya berada pada tahap

sederhana dan lemah sahaja dalam penulisan karangan. Hal ini juga dapat dilihat daripada laporan prestasi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang hampir setiap tahun melaporkan bahawa pelajar masih lemah dari segi bahasa, struktur ayat, ejaan, tanda bacaan serta aspek-aspek lain. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Marohaini (1996) kelemahan pelajar menulis karangan boleh dikaitkan dengan pengetahuan dan pendedahan yang tidak mencukupi tentang strategi dan teknik yang melibatkan pemikiran dalaman iaitu pemikiran yang melibatkan penggunaan strategi dan teknik untuk menghasilkan isi karangan yang dapat membentuk fokus dan haluan penulisan yang mampu memenuhi fungsi komunikasi dalam penulisan.

Pendapat ini disokong oleh Mohd. Jonit Mohd. Johari (1996) yang mengatakan bahawa kelemahan pelajar adalah dari segi persediaan rangka, penguasaan tatabahasa, tanda baca, perbendaharaan kata, sistem ejaan baku dan tulisan. Selain itu, terdapat pelajar yang lemah dan tidak mematuhi had jumlah perkataan dan ada juga karangan yang terpesong dan terdapat juga kelemahan dari segi format atau bentuk dan juga isi karangan yang tidak mencukupi atau tidak dikembangkan.

Penyataan ini jelas menunjukkan bahawa pelajar selama ini kurang didedahkan dengan cara menulis yang sebenarnya yang merupakan suatu proses yang kompleks. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Marohaini (1994), sebelum ini pengajaran kemahiran menulis karangan masih banyak memberi tumpuan kepada hasil mengarang berbanding dengan proses mengarang. Jadi satu perkara penting yang perlu ditegaskan disini adalah orientasi pengajaran kemahiran menulis atau mengarang harus menekankan proses mengarang dan bukan lagi terhadap hasil karangan sebagaimana yang dinyatakan oleh Herrmann (1989) bahawa guru seharusnya menukar fokus pedagogi pengajaran penulisannya daripada hasil penulisan kepada proses penulisan.

Ekoran daripada berubahnya tumpuan pengajaran penulisan di bilik darjah, maka kajian-kajian dalam bidang penulisan juga turut berubah hasil cadangan yang dicetuskan

oleh Emig (1971). Walau bagaimanapun, di Malaysia kajian tentang penulisan karangan banyak bertumpu kepada hasil karangan seperti kajian oleh Khathijah Abd Hamid (1994) dan (1998) dan juga Loy In Tiau (1995). Kajian terhadap proses menulis ini seolah-olah baru berkembang di Malaysia dan masih ketandusan kajian tentang proses menulis.

Bertitik tolak dari situ, penulis ingin membuat kajian tentang proses menulis. Walau bagaimanapun, kajian proses menulis yang akan dijalankan ini akan melihat daripada perspektif metakognitif iaitu meninjau kesedaran dan pengendalian kognitif pelajar semasa menulis karangan.

Kepentingan Kajian.

Bertitik tolak daripada peralihan fokus kajian dan pengajaran penulisan daripada hasil penulisan kepada proses penulisan, penulis merasakan kajian ini boleh menjadi tambahan kepada kajian terhadap proses menulis yang masih lagi dianggap tandus di Malaysia ini walaupun ia bukanlah suatu yang baru. Selain ekoran daripada peri pentingnya kemahiran menulis bagi seseorang pelajar dan juga sebagai tenaga kerja, penulis merasakan kajian ini bermakna bagi guru dan juga pendidik dan penyelidik bahasa.

Begitu juga kajian penulis ini adalah daripada perspektif metakognitif, maka secara tidak langsung ini dapat memperkembangkan lagi bidang psikolinguistik di Malaysia ini. Di samping itu, aspek metakognitif juga merupakan suatu yang penting maka penulis merasakan kajian ini dapat memberi sumbangan kepada pendidik bahasa. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Osborne (1999) bahawa metakognisi menjadi faktor utama kepada kejayaan akademik dan ia merupakan satu konsep yang penting bagi ahli pendidik dan juga ahli psikologi.

Tujuan Kajian

Penulis berharap kajian ini akan dapat melihat tahap kebolehan atau keupayaan metakognitif pelajar dalam penulisan karangan. Tahap kebolehan menulis karangan di sini meliputi aspek pengetahuan metakognitif dan pemantauan dan pengendalian sendiri

berdasarkan teori yang dikemukakan oleh Flavell (1993). Proses menulis di sini pula bermaksud peringkat-peringkat atau tahap-tahap yang dilalui oleh pelajar dalam menghasilkan sesuatu karangan.

Dalam kajian ini juga, penulis ingin melihat hubungan kebolehan metakognitif dalam penulisan karangan di kalangan pelajar-pelajar ini dengan variabel-variabel lain seperti pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu dan kaum

Soalan-soalan kajian

1. Apakah tahap kebolehan metapenulisan karangan di kalangan pelajar ?
 - a. Apakah tahap pengetahuan metapenulisan di kalangan pelajar?
 - i. Apakah tahap pengetahuan metapenulisan karangan terhadap diri (person) di kalangan pelajar?
 - ii. Apakah tahap pengetahuan metapenulisan karangan terhadap tugas (task) di kalangan pelajar?
 - iii. Apakah tahap pengetahuan metapenulisan karangan terhadap strategi (strategy) di kalangan pelajar?
 - b. Apakah tahap pemantauan dan pengendalian dalam penulisan karangan di kalangan pelajar ?
2. Apakah korelasi tahap kebolehan metapenulisan karangan dengan prestasi penulisan karangan di kalangan pelajar?
 - a. Apakah korelasi tahap pengetahuan metapenulisan dengan prestasi penulisan di kalangan pelajar?
 - i. Apakah korelasi tahap pengetahuan metapenulisan pelajar terhadap diri dengan prestasi penulisan di kalangan pelajar?
 - ii. Apakah korelasi tahap pengetahuan metapenulisan terhadap tugas (task) penulisan karangan dengan prestasi penulisan di kalangan pelajar?

- iii. Apakah korelasi tahap pengetahuan metapenulisan terhadap strategi penulisan dengan prestasi penulisan di kalangan pelajar?
 - b. Apakah korelasi tahap pemantauan dan pengendalian sendiri pelajar dalam penulisan karangan dengan prestasi penulisan?
3. Apakah korelasi pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan tahap kebolehan metapenulisan di kalangan pelajar?
- a. Apakah korelasi pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan tahap pengetahuan metapenulisan di kalangan pelajar?
 - i. Apakah korelasi pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan tahap pengetahuan metapenulisan terhadap diri di kalangan pelajar?
 - ii. Apakah korelasi pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan tahap pengetahuan metapenulisan terhadap tugas (task) penulisan di kalangan pelajar?
 - iii. Apakah korelasi pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan tahap pengetahuan metapenulisan terhadap strategi penulisan di kalangan pelajar?
 - b. Apakah korelasi pencapaian Bahasa Melayu PMR dengan tahap pemantauan dan pengendalian dalam penulisan di kalangan pelajar?
4. Apakah korelasi antara tahap kebolehan metapenulisan karangan pelajar dengan prestasi penulisan karangan mengikut kaum?

Batasan Kajian

Kajian ini hanya akan melihat tahap kebolehan metakognitif pelajar dari segi penulisan karangan sahaja dan tidak meninjau aspek kemahiran yang lain. Karangan yang dipilih pula hanya karangan jenis ekspositori dan deskriptif sahaja.

Sampel kajian yang digunakan adalah hanya terdiri daripada pelajar-pelajar perempuan dari sebuah sekolah di bandar Teluk Intan yang terletak dalam pentadbiran Pejabat Pendidikan Daerah Hilir Perak. Oleh yang demikian, kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada seluruh pelajar di Malaysia secara umum.

Difinisi Istilah

Metapenulisan. Dalam kajian ini, apabila disebut metapenulisan, ia bermaksud metakognitif dalam penulisan atau metakognisi penulisan.

Penulisan. Penulisan yang dimaksudkan di sini adalah penulisan dua jenis karangan Bahasa Melayu iaitu karangan jenis ekspositori dan karangan jenis deskriptif.

Karangan jenis ekspositori. Karangan jenis ekspositori adalah karangan berbentuk fakta yang memerlukan pelajar mengeluarkan pendapat melalui perbincangan atau pendapat atau perbahasan.

Karangan jenis deskriptif. Karangan jenis gambaran atau keperihalan yang *memerlukan pelajar menggambarkan keadaan di sesuatu tempat dan menceritakan pengalaman mereka.*

Prestasi penulisan karangan. Prestasi penulisan karangan yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah pencapaian pelajar dalam penulisan karangan jenis ekspositori dan karangan jenis deskriptif yang telah "*dicompute*" dan telah dikod semula oleh penulis.

Pencapaian penulisan karangan. Pencapaian penulisan karangan di sini bermaksud pencapaian pelajar atau markah yang diperoleh oleh pelajar dalam penulisan bagi satu jenis karangan sahaja yang telah diperiksa oleh penulis secara tanggapan menyeluruh.

Maksud Ringkasan.

STS = sangat tidak setuju

TS = tidak setuju

S = setuju

SS = sangat setuju

SR = sangat rendah

R = rendah

T = tinggi

ST = sangat tinggi

SPM = Sijil Pelajaran Malaysia

PMR = Penilaian Menengah Rendah

BM = Mata pelajaran Bahasa Melayu